

LAPORAN KES PENDAKWAAN

Viva Complete Sdn. Bhd. (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Melaka bagi pertuduhan di bawah subseksyen 37(11)(b) Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] atas kesalahan dengan cuai telah menyebabkan kerosakan kepada kabel bekalan elektrik bawah tanah dari Stesen Suis Utama (SSU) Kota Laksamana ke Pencawang Pembahagian Utama (PPU) Kota Syahbandar semasa menjalankan kerja pengorekan dan merentang kabel bagi kawasan Klebang, Melaka. Pada 9 Julai 2025, OKS telah mengaku salah terhadap pertuduhan tersebut dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM11,000.00. OKS telah membayar denda tersebut.